

19/01/2003

Angin perubahan jamin kemenangan Umno

Jamhariah Jaafar

UMNO sekali lagi menjadi tumpuan rakyat. Selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan rombakan peringkat tertinggi Badan Perhubungan Umno Kelantan, kenyataan susulan beliau kelmarin lebih menyengat - pemimpin yang tidak lagi mampu menjalankan tanggungjawab harus berundur!

Dapat dibayangkan betapa ramai pemimpin Umno yang sudah lama bertapak dan pengaruh semakin merosot tapi berasakan diri mereka masih relevan, dilanda kegelisahan... apa lagi apabila Pak Lah turut mendedahkan bahawa lebih banyak badan perhubungan negeri lain akan turut dirombak.

Angin perubahan yang ditiup oleh Dr Mahathir kini boleh bertukar menjadi ribut taufan sekiranya kepemimpinan parti mengakui hakikat bahawa perubahan patut dan wajib dilakukan sekiranya Umno mahu memulihkan sepenuhnya imej yang tercalar pada pilihan raya umum 1999.

Peristiwa yang berlaku di Kelantan sudah dihidu tapi tidak menjangka ia bakal meletup begitu besar, kerana yang tinggal secara praktiknya ialah Pengerusi negeri iaitu Datuk Mustapha Mohamad (Tok Pa). Tidak ada siapa yang boleh menidakkan kerja keras Tok Pa. Melihat sendiri secara peribadi cara anak buah Tok Pa bekerja sesiapa juga sudah pasti kagum.

Namun, usaha untuk menawan kembali Kelantan tidak boleh dibuat seorang diri. Setiap jeneral memerlukan angkatan tentera dan yang penting ialah askar yang setia untuk bekerjasama dan merancang strategik bagi menumbangkan musuh.

Justeru, sindiran seorang pemimpin Pas bahawa dua perubahan besar yang berlaku di Kelantan dalam tempoh 12 bulan mencerminkan kegagalan berterusan Umno dalam memenangi semula kepercayaan dan sokongan rakyat Kelantan, adalah cabaran besar yang harus disangkal oleh barisan baru Tok Pa terutama Zaid Ibrahim sebagai Timbalan Pengerusi dan Datuk Dr Awang Adek Hussain (Bendahari).

Di negeri lain, ramai orang lama yang masih berkuasa dan berasa diri mereka masih relevan juga perlu mula menilai ikhlas kemampuan diri masing-masing. Ahli Umno sudah pasti tidak mahu kejadian yang berlaku di Terengganu pada 1999 merebak ke tempat lain. Pilihan raya 1999 adalah pengajaran perit yang patut dijadikan iktibar oleh seluruh ahli Umno.

Tiupan angin pilihan raya juga kelihatan semakin kencang. Keputusan Perdana Menteri untuk tetap berundur pada Oktober depan, membuatkan rata-rata pemimpin mula mencongak bila pilihan raya bakal diadakan dan ramai yang sudah mengatur strategi masing-masing.

Yang ingin untuk terus menjadi calon pilihan raya atau teringin menjadi calon juga sudah mula menonjolkan muka di kawasan masing-masing. Ramai yang semakin baik dengan media massa bagi memastikan nama dan aktiviti mereka direkodkan, baik di dada akhbar mahupun di skrin televisyen.

Dr Mahathir amat jelas dalam mesejnya semalam: "Jika saya tidak boleh menjalankan tugas saya juga terpaksa pergi. Malah, memang saya akan pergi. Jika saya boleh pergi, orang lain juga pergi."

Jika pemimpin seperti Dr Mahathir, yang majoriti rakyat Malaysia berasa masih relevan dan amat penting untuk terus mentadbir negara sanggup melepaskan jawatan terpenting kerana berasakan masanya `sudah sampai', maka pemimpin Umno lain yang sudah terlalu lama dan semakin dipertikai kewibawaan mereka juga perlu membuat muhasabah diri.

Lebih baik pergi secara terhormat daripada ditolak keluar secara kasar. Memang tidak ada pemimpin yang berasakan diri mereka sudah tidak relevan.

Justeru, ramai yang terkapai-kapai apabila nama digugurkan - baik daripada senarai calon pilihan raya, jawatan di dalam parti mahu pun kabinet.

Masih terbayang wajah seorang menteri kabinet yang kelihatan `kehilangan arah' apabila namanya tiba-tiba digugurkan daripada senarai kabinet.

Juga masih terbayang kejutan ramai apabila nama yang sepatutnya tiada dalam senarai kabinet dan tidak diumumkan oleh Perdana Menteri, tiba-tiba disenaraikan semula.

Itu pada peringkat tertinggi, belum lagi di akar umbi. Dengan golongan muda kini menjadi majoriti pengundi pilihan raya akan datang, ramalan rambang mengatakan bahawa Umno akan menurunkan semakin ramai pemimpin muda yang berwibawa.

Bagaimanapun, itu hanya ramalan kerana apa saja boleh berlaku terutama rayuan dengan aliran air mata sering kali boleh mengubah keadaan.

Perubahan juga kelihatannya berlaku di ibu pejabat Umno sendiri.

Bagaimanapun ia hanya membabitkan perubahan kakitangan dalaman.

Rasanya yang lebih penting ialah perubahan pada peringkat penerangan, kerana ketika ini pemimpin utama juga ada yang mempertikaikan keberkesanan usaha penerangan di peringkat akar umbi - seolah-olah tugas itu telah diambil alih oleh RTM pula.